

UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS

~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh:**

**YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN - KELABORAN**

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, **berapakah bilangan guru Yayasan Islam Kelantan** yang dilantik ke jawatan tetap bagi tahun 2023 dan 2024?

**JAWAPAN : (YB DATO'WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Kerajaan sentiasa memberi perhatian untuk pengisian guru-guru YIK ke jawatan tetap. Tindakan telah dilaksanakan dengan pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bertaraf tetap seramai 149 orang pada November 2022.

Pada tahun 2023 dan 2024 tiada pelantikan guru-guru ke jawatan tetap tetapi Kerajaan telah melaksanakan pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bercaruman seramai 102 orang.

Yayasan Islam Kelantan juga dalam peringkat pertimbangan melaksanakan urusan pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bertaraf tetap yang akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, **berapakah nilai bantuan yang diberikan untuk menyiapkan rumah - rumah yang rosak akibat banjir** yang lalu mengikut jajahan daripada kerajaan pusat dan negeri?

**JAWAPAN : (YB DATO'WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Nilai bantuan yang diberikan untuk menyiapkan rumah-rumah banjir yang rosak akibat banjir yang lalu mengikut jajahan daripada kerajaan pusat dan negeri adalah seperti berikut :

| BIL | KERAJAAN             | JABATAN                                                                                                            | KOS                                    | JUMLAH KESELURUHAN |
|-----|----------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|--------------------|
| 1.  | Kerajaan Persekutuan | i)Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (ICU-JPM)<br><br>ii)Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) | RM 2,550,000.00<br><br>RM 1,505.000.00 | RM 4,055,000.00    |
| 2.  | Kerajaan Negeri      | i)Pejabat Pembangunan Negeri (PPN)                                                                                 | RM 51,000.00                           | RM 51,000.00       |

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

**A.Nilai Bantuan dari Kerajaan Persekutuan :**

**1. Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (ICU-JPM)**

i)Kerajaan Pusat melalui Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (PPPNK ICU JPM) telah menerima 165 senarai permohonan baik pulih rumah melibatkan lapan (8) jajahan daripada Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan, SUK Kelantan.

ii)Berdasarkan senarai tersebut, sebanyak 102 permohonan daripada Ketua Isi Rumah (KIR) yang terjejas telah disenarai pendek berdasarkan syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dengan mengambil kira kos maksimum baik pulih sebanyak RM25,000.00 bagi setiap rumah. Perkara ini sedang dalam proses pertimbangan pihak Ibu Pejabat dengan anggaran jumlah keseluruhan peruntukan bagi baik pulih rumah ini adalah sebanyak RM2.55 juta. Ringkasan permohonan baik pulih rumah mengikut jajahan adalah seperti jadual berikut:

**Baik Pulih Rumah:**

**Sebanyak 102 unit rumah akan dibaik pulih dengan peruntukan berjumlah RM2,550,000.00 seperti berikut:**

| BIL | JAJAHAN     | BILANGAN RUMAH TERLIBAT | KOS BAIK PULIH RUMAH (RM) |
|-----|-------------|-------------------------|---------------------------|
| 1.  | Tanah Merah | 4                       | RM100,000.00              |
| 2.  | Machang     | 13                      | RM325,000.00              |
| 3.  | Kuala Krai  | 5                       | RM125,000.00              |

|               |            |            |                       |
|---------------|------------|------------|-----------------------|
| 4.            | Bachok     | 11         | RM275,000.00          |
| 5.            | Jeli       | 8          | RM200,000.00          |
| 6.            | Kota Bharu | 2          | RM50,000.00           |
| 7.            | Pasir Mas  | 34         | RM850,000.00          |
| 8.            | Tumpat     | 25         | RM625,000.00          |
| <b>Jumlah</b> |            | <b>102</b> | <b>RM2,550,000.00</b> |

## 2. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

### Bina Baharu Rumah:

Sebanyak 19 unit rumah baharu akan dibina dengan kos keseluruhan sebanyak RM1,501,000.00 seperti berikut:

| BIL           | JAJAHAN     | BILANGAN<br>RUMAH<br>BERTIANG | BILANGAN<br>RUMAH ATAS<br>TANAH | JUMLAH<br>RUMAH | KOS PEMBINAAN<br>(RM) |
|---------------|-------------|-------------------------------|---------------------------------|-----------------|-----------------------|
| 1.            | Tumpat      | 11                            | -                               | 11              | RM913,000.00          |
| 2.            | Kuala Krai  | 3                             | 1                               | 4               | RM314,000.00          |
| 3.            | Pasir Mas   | 1                             | 2                               | 3               | RM213,000.00          |
| 4.            | Tanah Merah | -                             | 1                               | 1               | RM65,000.00           |
| <b>Jumlah</b> |             | <b>15</b>                     | <b>4</b>                        | <b>19</b>       | <b>RM1,505,000.00</b> |

## B. Nilai Bantuan dari Kerajaan Negeri

### 1. Pejabat Pembangunan Negeri (PPN)

i) Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan sewaan rumah sebanyak RM500.00 sebulan selama 6 bulan yang diberikan kepada 17 keluarga yang terkesan kehilangan rumah ketika Monsun Timur Laut (MTL) 2024/2025, melibatkan 4 jajahan dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM51,000.00 menggunakan peruntukan Tabung Serambi Mekah sebagaimana berikut:

| BIL           | JAJAHAN     | BILANGAN<br>RUMAH<br>TERLIBAT | ANGGARAN KOS<br>SEWAAN RUMAH<br>SEBULAN (RM) | ANGGARAN KOS SEWAAN<br>RUMAH 6 BULAN (RM) |
|---------------|-------------|-------------------------------|----------------------------------------------|-------------------------------------------|
| 1.            | Tumpat      | 11                            | RM500.00 X 11 unit<br>= RM5,500.00           | RM5,500.00 X 6<br>bulan = RM33,000.00     |
| 2.            | Kuala Krai  | 4                             | RM500.00 X 4 unit<br>= RM2,000.00            | RM2,000.00 X 6<br>bulan = RM12,000.00     |
| 3.            | Pasir Mas   | 1                             | RM500.00 X 1 unit<br>= RM500.00              | RM500.00 X 6 bulan<br>= RM3,000.00        |
| 4.            | Tanah Merah | 1                             | RM500.00 X 1 unit<br>= RM500.00              | RM500.00 X 6 bulan<br>= RM3,000.00        |
| <b>Jumlah</b> |             | <b>17</b>                     | <b>RM8,500.00</b>                            | <b>RM51,000.00</b>                        |

Manakala, di Jajahan Jeli, sejumlah RM175,000 telah diperuntukkan sebagai bantuan bagi memperbaiki rumah-rumah yang rosak akibat banjir yang lalu, dengan setiap rumah menerima sebanyak RM25,000. Bantuan ini melibatkan tujuh buah rumah di

kawasan Kuala Balah. Sementara itu, tiada bantuan diterima bagi rumah-rumah di kawasan Jeli dan Batu Melintang•

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh:

YB TUAN HAJI NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH - CHEMAKA

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, **apakah pembangunan tenaga hijau** di Negeri Kelantan menghadapi cabaran seperti penggunaan tanah, pelesenan, kewangan atau keterbatasan teknologi?

JAWAPAN : (YB DATO'WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)

Kerajaan Negeri Kelantan sememangnya komited dalam memperkasa pembangunan tenaga hijau sebagai salah satu tunjang utama Pelan Kelestarian Negeri. Seiring dengan aspirasi nasional ke arah ekonomi rendah karbon, pelbagai inisiatif telah dan sedang dirangka bagi menjadikan Kelantan sebagai peneraju teknologi hijau di Pantai Timur.

Walau bagaimanapun, pembangunan tenaga hijau di Kelantan turut berdepan beberapa cabaran utama seperti berikut:

1. Penggunaan Tanah

Kekangan dalam mengenalpasti kawasan yang sesuai bagi pembangunan projek tenaga boleh diperbaharui seperti solar dan biogas, terutamanya di kawasan yang telah digunakan untuk pertanian, penempatan, atau dilindungi sebagai hutan simpan. Isu pemilikan tanah dan status rezab Melayu juga sering kali melambatkan proses pelaksanaan projek.

2. Pelesenan dan Kelulusan

Proses kelulusan dan pelesenan yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan persekutuan dan negeri memerlukan penyelarasan yang lebih berkesan. Kelulusan di peringkat Suruhanjaya Tenaga, TNB dan agensi teknikal lain mengambil masa yang panjang serta memerlukan kapasiti teknikal yang tinggi daripada pemohon.

3. Kewangan dan Pelaburan

Kos pelaburan awal yang tinggi bagi projek seperti solar terapung, loji biogas dan hidro mikro menyukarkan penglibatan pemain industri tempatan. Pembiayaan projek hijau di

peringkat negeri masih terbatas kerana kekurangan skim pembiayaan bersasar, insentif cukai dan jaminan pelaburan.

4. Keterbatasan Teknologi dan Kepakaran Tempatan:

Terdapat kekangan dari segi keupayaan teknikal serta kekurangan jurutera dan penyelidik yang mahir dalam teknologi hijau, khususnya di peringkat tempatan. Kebergantungan kepada teknologi import turut menyebabkan peningkatan kos dan kebergantungan luar.

5. Kapasiti grid sedia ada di Kelantan

Projek hidro Nenggiri 300 MW merupakan projek tenaga boleh diperbaharui terbesar di Kelantan dan Malaysia, tetapi masih dalam pembangunan-belum menyumbang secara langsung kepada kapasiti grid semasa.

Jumlah sebenar kapasiti grid di Kelantan (iaitu kapasiti sambungan grid sedia ada di negeri tersebut) tidak didedah secara terperinci dalam sumber awam terkini; data umum menunjukkan seluruh Semenanjung Malaysia kini mempunyai keupayaan grid untuk mengendalikan sekitar 6 GW kapasiti RE.

6. Gambaran keseluruhan grid Semenanjung & implikasi kepada Kelantan

Semenanjung Malaysia mempunyai grid besar dengan 500 kV, 275 kV dan 132 kV yang menghubungkan negeri-negeri termasuk Kelantan.

Namun, grid ini dihadkan keupayaannya menampung tenaga hijau, khususnya solar dan hidro kecil, kerana kekangan sambungan dan keperluan fleksibiliti sistem dalam menangani intermitensi.

Kerajaan Negeri menerusi agensi seperti Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn Bhd (KUM) telah merangka beberapa projek strategik seperti projek solar terapung di Danau Tok Uban, projek biogas berasaskan sisa organik pasar basah, dan inisiatif landfill mining.

Di samping itu, kerjasama dengan agensi persekutuan seperti MGTC, SEDA dan MESTECC diperkasa untuk memastikan pembangunan sektor ini mendapat sokongan menyeluruh. Kerajaan Negeri percaya bahawa melalui perancangan strategik, kerjasama antara kerajaan negeri dan persekutuan, serta penglibatan aktif sektor swasta, cabaran ini dapat diatasi secara berperingkat demi kelestarian dan kemakmuran negeri.

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah **perancangan kerajaan negeri terhadap bandar-bandar utama** dalam negeri Kelantan seperti Gua Musang, Kuala Krai

dan Machang serta Ketereh apabila Lebuhraya Kota Bharu - Gua Musang dan Central Spine Road siap sepenuhnya?

JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan PLANMalaysia telah merancang pembangunan bandar-bandar utama sejajar dengan siapnya Lebuhraya Kota Bharu - Gua Musang dan Central Spine Road (CSR) seperti berikut:

1. Gua Musang

Membangunkan Bandar Halaqah City di Felda Chiku .
Menyediakan Rancangan Tempatan Jajahan Gua Musang 2040 (Penggantian) bagi merangka pembangunan Wilayah Gua Musang selaras dengan siapnya CSR.
Menyediakan infrastruktur sokongan seperti Taman Perindustrian dan jaringan pengangkutan awam.

2. Kuala Krai

Merancang Bandar Baharu Pentadbiran Kuala Pahi yang berkonsepkan eko-kesihatan, terletak berhampiran jajaran CSR.

3. Machang

Merancang Bandar Baharu Mukim Ulu Sat, berdekatan susur keluar Lebuhraya Kota Bharu - Kuala Krai dan UiTM Bukit Ilmu.

4. Ketereh

Merancang Pusat Pembangunan Bandar Baharu Buluh Poh, terletak kira-kira 300 meter dari susur naik Lebuhraya Kota Bharu - Kuala Krai di Buluh Poh.

3. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah kerajaan negeri bersedia untuk mengecualikan **dasar tiga bilik** bagi sebuah rumah kediaman dalam program pembinaan

rumah duaafat yang hanya akan didiami oleh sepasang suami isteri tua yang tiada anak untuk tinggal bersama?

JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)

Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan sedang mengemaskini Dasar Rumah Mampu Milik Kelantan dan pengecualian syarat tiga bilik untuk rumah yang didiami pasangan suami isteri tua tanpa anak boleh dipertimbangkan untuk dikaji.

4. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, **pihak berkuasa manakah yang bertanggungjawab untuk membanteras masalah haiwan liar** seperti anjing liar di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT)?

JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai kuasa untuk membanteras isu haiwan liar seperti anjing berdasarkan punca kuasa di bawah Seksyen 73 dan Seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu kuasa Majlis untuk menggubal undang-undang kecil berkaitan pengawalan haiwan berkeliaran di tempat awam dan Seksyen 80 dimana PBT boleh memberi notis kepada pemilik haiwan agar tidak membiarkan haiwan merayau. Jika ingkar tindakan undang-undang boleh diambil. Selain dari itu, PBT juga boleh menjalankan penguatkuasaan haiwan merayau melalui Undang-undang Kecil Haiwan Merayau-Rayau dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing yang memberikan kuasa kepada PBT untuk menangkap, menyita dan mengenakan kompaun/ denda terhadap pemilik. Penguatkuasaan Pelesenan Anjing juga sedang giat dilaksanakan oleh PBT-PBT dengan kadar bayaran RM20.00 bagi lesen dan RM10.00 bagi lencana besi.

Selain itu, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPVKN) juga bertanggungjawab dalam mengendalikan masalah haiwan liar termasuk anjing liar terutamanya melibatkan haiwan yang dijangkiti penyakit seperti 'rabies' berdasarkan Seksyen 32 - 42 Akta Binatang 1953. Kawalan penyakit zoonosis (penyakit yang boleh merebak dari haiwan ke manusia) adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Manakala operasi Penguatkuasaan Bersepadu Rabies (tembakan) diadakan secara berkala bagi semua PBT di Negeri Kelantan.

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**
~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :**

**YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM - KOTA LAMA**

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, **usaha Kerajaan Negeri melobi agar Projek LPT III disambung semula bagi manfaat ekonomi Kelantan dan menaik taraf Lebuhraya Timur Barat** demi merangsang pertumbuhan ekonomi serta memperkukuh hubungan Kelantan dengan negeri-negeri utara Semenanjung.

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

Cadangan pembinaan LPT III telah dibincangkan didalam mesyuarat ICC ECERDC dan mesyuarat memutuskan supaya pihak peringkat Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dapat memuktamatkan kos bagi pengambilan tanah sebelum tindakan seterusnya diambil berkaitan projek ini.

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, dasar Kerajaan Negeri berhubung **pengambilan semula ladang pajakan**, seperti Ladang Musang King di Lojing, bagi memastikan tanah strategik negeri diagih semula kepada rakyat Kelantan, khususnya Bumiputera tempatan.

**JAWAPAN : (YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD)**

Pada masa ini, ladang-ladang kebanyakannya merupakan tanah milik yang mana pengambilan balik tanah-tanah tersebut akan memerlukan kos yang tinggi samada hakmilik tersebut hakmilik selama-lama atau hakmilik pajakan. Sehubungan dengan itu, kerajaan akan membuat pengambilan mengikut keperluan terutamanya untuk kepentingan awam.

3. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, pertimbangan **pembinaan jejantas** di sekolah-sekolah

berhampiran laluan sibuk seperti SMJK Chung Hwa, SMJK Chung Cheng, SMK Kota Bharu, dan SMK Zainab 2.

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

Pembinaan jejantas di sekolah-sekolah yang dinyatakan masih belum dalam perancangan memandangkan tiada rizab jalan yang mencukupi. Namun demikian, bagi memastikan aspek keselamatan, pejabat ini mencadangkan agar dibina Lintasan Pejalan Kaki Selaras yang dilengkapi lampu isyarat di hadapan sekolah-sekolah berkenaan.

5. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, perancangan **menaik taraf Pantai Cahaya Bulan (PCB) agar berdaya saing dan setanding dengan destinasi pantai utama** seperti Pantai Sri Tujuh dan Pantai Genting sebagai tarikan pelancongan berimpak tinggi.

**JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN – BUNUT PAYONG

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adalah Kerajaan berhasrat untuk **menaiktaraf Jalan** Tengku Mohd Maasum, Kota Bharu bagi menampung jumlah trafik yang semakin meningkat serta membina jalan baharu dari Jalan Kuala Krai di Kg Bunut Payong ke Jalan Tg Mohd Maasum.

JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)

Jalan Tengku Mohd Maasum merupakan jalan raya negeri yang berada di bawah penyelenggaraan Jabatan Kerja Raya (JKR). Jalan ini mengalami kesesakan teruk khususnya pada waktu puncak. Berdasarkan keadaan semasa, terdapat keperluan untuk menaik taraf jalan tersebut. Namun begitu, pelaksanaannya tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri.

Cadangan pembinaan jalan baharu dari Jalan Kuala Krai di Kampung Bunut Payong ke Jalan Tengku Mohd Maasum, pihak JKR Negeri akan menjalankan kajian bagi menilai keperluan jajaran tersebut. Sekiranya didapati wajar, cadangan ini akan dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan untuk pertimbangan di bawah pelaksanaan Rancangan Malaysia (RMK) yang berkaitan.

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**
~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh:**

**YB TUAN ZUR Aidin Bin Abdullah – Chetok**

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Berapakah **jumlah pesakit kanser** payudara yang telah mendapat bantuan daripada kerajaan negeri dari tahun 2018 hingga 2024?

**JAWAPAN : (YB Puan Rohani Binti Ibrahim)**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD - GUAL PERIOK

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapakah statistik terkini premis makanan yang telah memohon dan mendapat **Pensijilan Halal Kelantan** dan apakah langkah untuk meningkatkan permohonan dikalangan pengusaha premis makanan?

JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)

Statistik terkini premis makanan yang telah memohon dan mendapat Pensijilan Halal Malaysia di negeri Kelantan adalah sebanyak 382 premis.

Langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan permohonan Pensijilan Halal Malaysia di kalangan pengusaha premis makanan ialah :

- a) Penetapan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) sebagai satu keperluan bagi memperbaharui lesen perniagaan bagi premis makanan tertentu di bawah Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan.
- b) Mewajibkan semua hotel yang mempunyai dapur dan juga restoran untuk mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia.
- c) Menyediakan inisiatif Pensijilan Halal Malaysia bagi Industri Kotej yang disasarkan kepada pengusaha makanan sediaan di rumah.
- d) Mempergiatkan kempen pemilikan Tauliah Sembelihan kepada pengusaha rumah sembelihan ruminan dan unggas yang berkelayakan.
- e) Bekerjasama erat dengan Agensi Pembimbing Usahawan Negeri dan Pusat Kerajaan Negeri, bank dan institut pengajian tinggi melalui penganjuran program Kesedaran Halal dan Penerangan Tatacara Permohonan Halal kepada usahawan makanan dan produk di bawah bimbingan masing-masing.

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan kerajaan negeri untuk memanfaatkan lokasi strategik di sepanjang laluan ECRL sebagai lokasi baru pertumbuhan ekonomi Kelantan?

JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)

Kerajaan Negeri telahewartakan kedua-dua kawasan berkenaan dibawah Rancangan Kawasan Khas (RKK) dan turut difokuskan kepada pembangunan dibawah program EAP.

Majlis Daerah Pasir Puteh telah mengenalpasti kawasan radius 30 ekar utk dibangunkan dengan kemudahan yang menyokong aktiviti kargo bagi stesen ECRL Pasir Puteh.

Manakala bagi kawasan Tunjong Kerajaan Negeri aktif menawarkan potensi pelaburan dikawasan berkenanan melalui Invest Kelantan dan Perbandaran Bandar Baru Tunjong.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) telah mengambil langkah bersepadu dalam memastikan masyarakat setempat dapat menikmati faedah langsung daripada pelaksanaan projek ECRL melalui perancangan strategik yang menyeluruh dan pelaksanaan yang inklusif.

Perancangan semasa MDPP di sekitar kawasan stesen ECRL adalah dengan mengenal pasti kawasan-kawasan berpotensi yang strategik untuk dimajukan secara berfasa, khususnya bagi tujuan pembangunan ekonomi, komersial dan logistik. Dalam masa yang sama, pihak Majlis turut giat menjalankan sesi perbincangan dan perundingan bersama pihak pelabur yang berminat, sama ada dari dalam mahupun luar negeri, bagi menawarkan peluang pelaburan yang selari dengan hala tuju pembangunan zon berimpak tinggi di Pasir Puteh.

Majlis komited untuk memastikan daerah Pasir Puteh bukan sekadar menjadi laluan, tetapi menjadi pusat pertumbuhan ekonomi baharu yang makmur dan berdaya saing.

Sebagai pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab mentadbir pembangunan di daerah ini, Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) telah mengambil langkah bersepadu dalam memastikan masyarakat setempat dapat menikmati faedah langsung daripada pelaksanaan projek ECRL melalui perancangan strategik yang menyeluruh dan pelaksanaan yang inklusif.

1. Semakan dan Penyesuaian Rancangan Tempatan

Majlis telah menyediakan dokumen Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Puteh 2035 (Penggantian), dengan mengambil kira jajaran dan impak ECRL, termasuk:

- i. Pengezonan Zon Pembangunan Bersepadu Stesen ECRL Pasir Puteh yang menggabungkan kawasan perniagaan, kemudahan awam, infrastruktur dan perumahan.
- ii. Peruntukan kawasan industri ringan dan logistik berhampiran stesen rel untuk menyokong aktiviti ekonomi setempat.

2. Pemeraksanaan Ekonomi Tempatan

Majlis sedang melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan penglibatan masyarakat dalam aktiviti ekonomi yang dijana oleh projek ini:

- i. Perancangan untuk menggalakkan aktiviti perniagaan di sekitar kawasan stesen dengan penyediaan zon perniagaan.
- ii. Peluang pekerjaan yang akan bertambah apabila stesen mula beroperasi.

Majlis komited untuk memastikan daerah Pasir Puteh bukan sekadar menjadi laluan, tetapi menjadi pusat pertumbuhan ekonomi baharu yang makmur dan berdaya saing.

3. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah Kerajaan berhasrat menambah peruntukan **Tabung Usahawan Kecil Wanita** dari RM500k kepada satu jumlah yang lebih besar sebagai usaha menggalakkan penglibatan wanita Kelantan yang tinggal di luar bandar terlibat aktif dalam perusahaan dan perniagaan?

JAWAPAN : (YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN)

Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah peruntukan Tabung Usahawan Wanita (TUW) daripada RM500,000 kepada jumlah yang lebih besar. Penambahan ini adalah bagi memenuhi permintaan tinggi dan sambutan menggalakkan yang diterima sejak penubuhannya.

Dari tahun 2016 sehingga tahun 2025, seramai 3,952 orang terdiri daripada wanita, beliawanis, armalah dan OKU yang layak telah mendapat manfaat tersebut. Agihan bantuan peralatan perniagaan telah disalurkan melalui Pusat Khidmat DUN.

Untuk tahun 2025, U-KeKWa mensasarkan 300 orang lagi penerima bantuan yang akan menerima manfaat ini dengan setiap pemohon layak mendapat bantuan dengan nilai antara RM1,000.00 sehingga RM 2,500.00 bergantung kepada saiz dan potensi perniagaan yang dijalankan.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Justeru, antara justifikasi yang perlu kepada penambahan peruntukan ini adalah:

i. Permintaan Tinggi & Sambutan Menggalakkan

Berdasarkan kepada permintaan dan peningkatan permohonan dari tahun ke tahun. Sejak penubuhan Tabung Usahawan Kecil Wanita Kelantan (TUW), sentiasa ada peningkatan dalam bilangan permohonan bantuan kewangan. Ramai pemohon yang layak terpaksa ditolak kerana kekangan dana sedia ada. Ini membuktikan bahawa lebih ramai wanita kini berani menceburi bidang keusahawanan sebagai sumber pendapatan utama dan sekunder, malah ia juga menunjukkan keperluan sebenar dan potensi program ini perlu untuk dikembangkan. Peruntukan sedia ada tidak mencukupi untuk memenuhi semua permintaan ini.

ii. Pengukuhan Ekonomi Komuniti Wanita Luar Bandar

Majoriti penerima manfaat TUV adalah wanita luar bandar yang menjalankan perusahaan kecil-kecilan seperti makanan tradisional, kraftangan, pakaian, dan perkhidmatan domestik. Penambahan bajet akan membolehkan lebih banyak usahawan menerima sokongan awal untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka untuk meningkatkan taraf hidup mereka dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi komuniti setempat.

iii. Menyokong Agenda Pemerkasaan Wanita Negeri Kelantan

Penambahan bajet selari dengan matlamat Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam memperkasa wanita melalui keusahawanan. Ini juga menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya Matlamat 5: Kesaksamaan Gender dan Matlamat 8: Pekerjaan yang layak dan pertumbuhan ekonomi.

iv. Pencapaian Penerima Tabung Usahawan Wanita (TUV) 2021-2024

Data penerima Tabung Usahawan Wanita (TUV) bagi tempoh empat (4) tahun iaitu daripada tahun 2021-2024, seramai 252 orang telah berjaya berdikari. Sorotan daripada kejayaan tersebut, mereka berjaya membuka kedai dan gerai sendiri, menjalankan perniagaan secara konsisten dari rumah, dan ada juga yang lebih mampu sehingga mengupah pekerja sambilan atau tetap, sekaligus membuka peluang pekerjaan di komuniti setempat.

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**
~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh:**

**YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS - PASIR TUMBOH**

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Berapakah **bilangan anak-anak Yatim** yang telah mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri dari tahun 2018 hingga 2024 mengikut pecahan Dun dan jantina?

**JAWAPAN : (YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM)**

Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan bantuan kewangan bulanan dan bantuan sekaligus antaranya Bantuan Kanak-Kanak (BKK). Bilangan anak-anak yatim yang telah menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi tempoh tahun 2018 hingga 2024 adalah seperti berikut:

**Bilangan penerima Bantuan Kanak-Kanak (BKK)  
Tahun 2018 - 2024 mengikut Jajahan**

| JAJAHAN     | SKIM BANTUAN KANAK-KANAK (BKK) |        |        |        |       |       |       |
|-------------|--------------------------------|--------|--------|--------|-------|-------|-------|
|             | 2018                           | 2019   | 2020   | 2021   | 2022  | 2023  | 2024  |
| KOTA BHARU  | 2,279                          | 2,205  | 2,031  | 2,028  | 1,968 | 1,793 | 1,730 |
| TANAH MERAH | 1,415                          | 1,263  | 1,195  | 990    | 933   | 819   | 716   |
| PASIR MAS   | 1,452                          | 1,408  | 1,342  | 1,210  | 1,121 | 1,048 | 1,154 |
| TUMPAT      | 1,312                          | 1,312  | 1,259  | 1,242  | 1,262 | 1,307 | 1,320 |
| BACHOK      | 1,208                          | 898    | 599    | 730    | 830   | 855   | 943   |
| MACHANG     | 438                            | 857    | 846    | 813    | 756   | 736   | 703   |
| KUALA KRAI  | 1,136                          | 1,152  | 1,142  | 1,141  | 1,123 | 1,134 | 1,204 |
| PASIR PUTEH | 1,254                          | 1,272  | 1,222  | 1,235  | 1,110 | 1,075 | 1,090 |
| GUA MUSANG  | 491                            | 500    | 504    | 393    | 395   | 478   | 495   |
| JELI        | 365                            | 395    | 398    | 406    | 410   | 414   | 458   |
| JUMLAH      | 11,350                         | 11,262 | 10,538 | 10,188 | 9,908 | 9,659 | 9,813 |

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Bantuan Kanak-Kanak (BKK) diberikan kepada keluarga yang mempunyai anak dengan syarat-syarat berikut:

- i. Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
- ii. Keluarga/ penjaga yang memberi jagaan kepada anak/ kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun.
- iii. Pendapatan isi rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Isi Rumah Miskin Tegar Semasa atau PGK Purata Per Kapita Miskin Tegar Semasa; atau
- iv. Keluarga/ penjaga dan anak/ kanak-kanak yang tinggal menumpang bersama ibu/ bapa mereka/ penjaga/ saudara mara/ lain-lain layak dipertimbangkan sekiranya pendapatan bulanan pemohon tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Isi Rumah Miskin Tegar Semasa atau PGK Purata Per Kapita Miskin Tegar Semasa;
- v. Anak/ kanak-kanak tiada penjaga yang layak, kerana ibu/ bapa bukan warganegara/ diisytiharkan bankrap atau muflis/ ibu/ bapa OKU Mental, bantuan boleh diluluskan atas nama kanak-kanak berkenaan.

Bantuan ini merangkumi keluarga yang memelihara dan menjaga anak-anak daripada pelbagai latar belakang termasuk anak yatim piatu, anak yatim atau dengan kata lain, anak-anak yang ibubapa/penjaga atau warisnya ditimpa musibah dan keluarga itu berkeperluan untuk dibantu.



2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Berapakah bilangan Armalah yang telah mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri dari tahun 2018 hingga 2024 mengikut pecahan Dun?

**JAWAPAN: (YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM)**

Pendaftaran armalah dan anak yatim adalah diuruskan oleh Penyelaras Pembangunan Armalah DUN (PPAD) yang dilantik di setiap DUN. Setelah proses pemutihan dibuat oleh PPAD di DUN masing-masing, jumlah anak yatim yang berdaftar melalui PPAD di negeri Kelantan ialah seramai 12,266 orang.

Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk membantu golongan armalah dan anak yatim. Sejak tahun 2016, peruntukan bantuan kepada golongan ini telah ditingkatkan seperti berikut:

- RM5 juta pada tahun 2016
- RM6 juta pada tahun 2017
- RM6.75 juta dari tahun 2023 hingga kini

Selain memperuntukkan bantuan kewangan untuk pendidikan anak yatim, beberapa program dan inisiatif dirangka dan dilaksanakan melalui PPAD dengan kerjasama Pusat Khidmat DUN, bagi memberi ruang dan pendedahan kepada anak yatim untuk pembangunan kebajikan dan pembangunan jati diri mereka.

Bagi bantuan pendidikan kepada anak yatim, Kerajaan negeri telah menyalurkan bantuan Skim Pendidikan Anak Yatim (SPY) bagi memastikan anak-anak yatim ini dapat menikmati akses kepada pendidikan secara menyeluruh. Sebanyak RM 20,000.00 diperuntukkan bagi setiap DUN menjadikan jumlah peruntukan sebanyak RM900,000.00 seluruh Kelantan.

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Selain bantuan kewangan, pelbagai inisiatif telah dibentuk dan dilaksanakan bagi membantu kebajikan pembangunan anak-anak yatim. Berikut adalah beberapa program dan inisiatif yang telah dilaksanakan untuk anak yatim;

**1. Penggubalan Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (ISLAH)**

Dasar ini digubal untuk menjadi panduan dan rujukan bagi menentukan matlamat, nilai, pendekatan, hala tuju dan objektif strategik, perancangan dan program yang dianjurkan di negeri Kelantan dalam menjaga kebajikan dan pembangunan anak yatim selaras dengan dasar Kerajaan Negeri, iaitu "Membangun Bersama Islam" (MBI).

## **2. Majlis Perwakilan Anak Yatim**

Bagi meluaskan agenda pengurusan kebajikan dan pembangunan anak yatim Kelantan, Majlis Perwakilan Anak Yatim dituuhkan bagi memberi pendedahan kepimpinan dan membina jati diri mereka dengan melibatkan mereka sebagai pembuat keputusan dan turut menasihati kerajaan dalam perkara yang berkaitan. Seramai 37 orang anak yatim yang telah terpilih sebagai Ahli Majlis Perwakilan Anak Yatim dan mereka telah mengikuti beberapa siri program kepimpinan dan jati diri, mesyuarat dan taklimat serta lawatan ke Sidang Parlimen.

## **3. Kembara Ilmu Anak Yatim**

Program ini memfokuskan kepada anak yatim dan anak armalah di seluruh negeri Kelantan dengan memberi peluang kepada mereka merasai suasana persekitaran baru dan mempelajari ilmu baru. Program ini dilaksanakan dua tahun sekali di peringkat DUN masing-masing dan pada tahun ini, lawatan ini melibatkan seramai 540 peserta anak yatim daripada 45 DUN. Pelaksanaan program Kembara Anak Yatim pada tahun ini ke Petrosains KLCC bagi memberi pengalaman pembelajaran luar kelas yang lebih menyeronokkan dan bermakna.

## **4. Program Pemantapan Jati Diri dan Motivasi Anak Yatim**

Program latihan pembangunan diri yang dilaksanakan ini bertujuan memberi pendedahan kepada konsep pembangunan diri holistik dan memupuk nilai-nilai murni serta membentuk sahsiah dan jati diri yang positif. Terkini, program ini telah diadakan pada tahun lepas kepada anak yatim dari beberapa Parlimen sekitar Kuala Krai. Pada tahun ni, program ini diteruskan bagi Parlimen sekitar Kota Bharu bersempena dengan Karnival Kelantanku Cakna membabitkan 250 peserta anak yatim dari 29 DUN.

Sebelum ini, Kerajaan juga pernah melaksanakan beberapa program lain untuk kebajikan anak yatim, antaranya:

1. Penyampaian Tablet kepada Anak Yatim Cemerlang
2. Projek Kembali Ke Sekolah- sebelum ini pernah dikhususkan untuk anak yatim, sekarang masih diteruskan agihan bantuan ini melalui EXCO Pendidikan kepada anak-anak asnaf termasuk anak yatim.
3. Projek Jahit Kasih- CSR jahit baju raya untuk anak yatim.

Selain itu, bantuan pendidikan dan pembangunan anak yatim turut dilaksanakan melalui Majlis Agama Islam dan Adat

Istiadat Kelantan (MAIK) dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :

YB TUAN HAJI MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN - PANTAI IRAMA

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapakah **jumlah peruntukan** yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan kepada **Tabung Usahawan Wanita** tahun 2023 lalu hingga kini dan berapakah bilangan usahawan kecil Wanita yang telah menerima manfaat daripada tabung ini mengikut DUN.

JAWAPAN : (YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN)

Jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan kepada Tabung Usahawan Wanita bagi tahun 2023 lalu hingga kini adalah sebanyak RM1.5 juta iaitu RM500 ribu bagi setiap tahun.

Manakala, jumlah keseluruhan bilangan usahawan kecil wanita yang telah menerima manfaat daripada tabung ini adalah 826 orang. Pecahan penerima mengikut kawasan DUN adalah seperti dibawah:

KOD	PARLIMEN	KOD	DUN	JUMLAH MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS
1	TUMPAT	1	PENGKALAN KUBOR	19
		2	KELABORAN	22
		3	PASIR PEKAN	14
		4	WAKAF BHARU	16
2	PENGKALAN CHEPA	5	KIJANG	19
		6	CHEMPAKA	17
		7	PANCHOR	18
3	KOTA BHARU	8	TANJONG MAS	25
		9	KOTA LAMA	20
		10	BUNUT PAYONG	27
4	PASIR MAS	11	TENDONG	27
		12	PENGKALAN PASIR	16
		13	MERANTI	20
5	RANTAU PANJANG	14	CHETOK	21
		15	GUAL PERIOK	18

		16	APAM PUTRA	12
6	KUBANG KERIAN	17	SALOR	18
		18	PASIR TUMBOH	22
		19	DEMIT	18
7	BACHOK	20	TAWANG	24
		21	PANTAI IRAMA	19
		22	JELAWAT	19
8	KETEREH	23	MELOR	17
		24	KADOK	21
		25	KOK LANAS	21
9	TANAH MERAH	26	BUKIT PANAU	26
		27	GUAL IPOH	14
		28	KEMAHANG	17
10	PASIR PUTEH	29	SELISING	21
		30	LIMBONGAN	18
		31	SEMERAK	20
		32	GAAL	22
11	MACHANG	33	PULAI CHONDONG	12
		34	TEMANGAN	14
		35	KEMUNING	17
12	JELI	36	BUKIT BUNGA	18
		37	AYER LANAS	16
		38	KUALA BALAH	16
13	KUALA KRAI	39	MENGKEBANG	18
		40	GUCHIL	16
		41	MANEK URAI	16
		42	DABONG	13
14	GUA MUSANG	43	NENGGIRI	11
		44	PALOH	11
		45	GALAS	20
JUMLAH :				826

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah **perancangan kerajaan negeri dalam kemudahan hospital** dan Pusat Perubatan An-Nisa (Wanita) di Kelantan dalam memenuhi keperluan pengguna bagi menangani isu kekurangan doktor pakar serta peralatan perubatan moden.

JAWAPAN : (YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM)

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh:**

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR - GUAL IPOH**

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah **perkembangan Jambatan Pasir Era - Pasir Kelang** di Dun Mengkebang yang bakal berhubung dengan Gual Ipoh?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

Perkembangan projek Jambatan Pasir Era - Pasir Kelam di Dun Mengkebang yang bakal berhubung dengan Gual Ipoh adalah seperti berikut :

- i) Projek kini berada dalam fasa pembinaan dan dijadualkan siap pada 30 Disember 2026.
- ii) Kemajuan fizikal semasa adalah sebanyak 45.08%, berbanding 47.47% mengikut jadual asal.

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah **status Jalan Biok - Peralla**.

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

Cadangan Projek Jalan Biok - Peralla telah dikemukakan dalam Permohonan Pembangunan RP3 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) di bawah peruntukan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), dengan kos asal dicadangkan sebanyak RM615 juta (Mesyuarat Penyelarasan Konsep 2019) dan anggaran kos terkini sebanyak RM488.5 juta (berdasarkan Kajian Awalan 2023).

Namun demikian, jajaran cadangan melibatkan kawasan hutan simpan dan tapak perlombongan emas, yang menyebabkan kos pengambilan tanah dan bayaran ganti rugi melebihi kos pembinaan. Sehubungan itu, jajaran semasa sedang dikaji semula bagi memastikan laluan yang lebih efektif dan kos yang lebih munasabah.

Walaubagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), peruntukan sebanyak RM 4 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan "Kajian dan Kerja Awalan Jalan dari Kampung Biak, Dabong, Kuala Krai ke Kampung Peralla, Tanah Merah, Kelantan".

3. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, **proses menghubungkan** Kampung Ulu Bertam di Gual Ipoh dengan Air Chenang di Bukit Bunga?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**



Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kelantan telah mengarahkan JKR Jajahan Tanah Merah untuk menyediakan keperluan kajian awalan serta taklimat (brief) projek sebagai langkah permulaan. Berdasarkan keperluan bagi kerja-kerja penaiktarafan yang dikenal pasti, JKR Negeri Kelantan akan mengemukakan cadangan projek tersebut kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk pertimbangan peruntukan selanjutnya.

4. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah pulangan kepada masyarakat dan negeri daripada **hasil perlombongan emas** di Sokor?

**JAWAPAN : (YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD)**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**  
~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh

YB TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH - PULAI CHONDONG

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh

kerajaan bagi **pelaksanaan Sambutan / Penghayatan Bulan Sembahyang** dari tahun 2020-2025

JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)

Jumlah yang telah dibelanjakan Untuk Program Membina Generasi Solat antara 2020-2025 adalah seperti berikut:

TAHUN	PERKARA	JUMLAH
2020	Pelancaran: Kelas MGS:	Tiada Kelas MGS kerana Covid-19
2021	Pelancaran: Kelas MGS:	Tiada MGS kerana Covid-19
2022	Pelancaran: RM46,000 Kelas MGS: RM450,000	RM496,000
2023	Pelancaran: RM67,850 Kelas MGS: RM 585,000	RM652,850
2024	Pelancaran: RM80,900 Kelas MGS: RM 585,000	RM665,000
2025	Pelancaran: RM78,525 Kelas MGS: RM 585,000	RM663,525
	JUMLAH	RM2,477,375

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, perbelanjaan yang telah dibelanjakan bagi pelaksanaan **Skim Bantuan Persekolahan** (Back to School) dari tahun 2020-2025

JAWAPAN : (YB DATO'WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)

Perbelanjaan yang telah dibelanjakan bagi pelaksanaan Skim Bantuan Persekolahan (Back to School) dari tahun 2020-2025 adalah sebanyak RM 2,700,000.00 dibawah peruntukan Pejabat Exco Pendidikan dan RM 10,030,000.00 dibawah YAKIN.

Butiran lanjut mengenainya adalah seperti dibawah:

(a) Pejabat Exco melalui Exco Pendidikan memperuntukkan sebanyak RM 450,000.00 setiap tahun sejak tahun 2020-2025 bagi Skim Bantuan Persekolahan kepada 45 DUN di Kelantan.

(b) Peruntukan oleh YAKIN adalah seperti jadual dibawah:

Tahun	Radar setiap DUN	Kadar setiap Parlimen	JUMLAH
2020	RM20,000.00	RM20,000.00	RM1,180,000.00
2021	RM30,000.00	RM30,000.00	RM1,770,000.00
2022	RM30,000.00	RM30,000.00	RM1,770,000.00
2023	RM30,000.00	RM30,000.00	RM1,770,000.00
2024	RM30,000.00	RM30,000.00	RM1,770,000.00
2025	RM30,000.00	RM30,000.00	RM1,770,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			RM10,030,000.00
(Ringgit Malaysia : Sepuluh Juta Tiga Puluh Ribu Sahaja)			

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**
~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh:**

**YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL - KUALA BALAH**

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil kerajaan bagi meningkatkan penyediaan **prasarana jalur lebar internet** di Negeri Kelantan?

**JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Kerajaan Negeri melalui BKI-GIS telah melaksanakan beberapa langkah bagi meningkatkan penyediaan prasarana jalur lebar internet di Negeri Kelantan antaranya mempertimbangkan beberapa insentif seperti pengurangan sebanyak 50% daripada RM 10 per meter kepada RM 5 per meter bagi bayaran fi hak akses di bawah enakmen hak akses dan penggunaan tanah infrastruktur utiliti negeri Kelantan 2022 bagi projek Pembangunan infrastruktur telekomunikasi oleh Kerajaan Persekutuan.

Selain itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Kali Ke 03/2023 juga telah membuat keputusan bersetuju memberikan insentif kepada projek SKMM melibatkan bayaran pajakan (lesen pendudukan tanah) secara berfasa di bawah Enakmen Hak Akses dan Penggunaan Tanah infrastruktur utiliti negeri Kelantan 2022 sebagaimana berikut:

| Bil. | Fasa                                                                              | Insentif                                                                                                                                                        |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1    | Fasa Pertama<br>(Tahun Pertama hingga Tahun Ketiga)                               | · Kadar bayaran nominal RM0.10/meter sebulan bagi pajakan.<br>· Caj bagi lesen pendudukan tanah RM0.05/meter.                                                   |
| 2    | Fasa Kedua<br>(Tahun Keempat hingga Tahun Keenam)                                 | · 50% daripada kadar bayaran pajakan/lesen pendudukan tanah.<br>· RM0.50/meter sebulan bagi pajakan.<br>· Caj bagi lesen pendudukan tanah RM0.25/meter sebulan. |
| 3    | Fasa Ketiga<br>(Tahun Ketujuh hingga Tamat Tempoh Pajakan/Lesen Pendudukan Tanah) | · Bayaran penuh sebagaimana ditetapkan di bawah Jadual 2, Kaedah-kaedah Hak Akses iaitu RM1.00/meter.                                                           |

Kerajaan negeri juga telah mempertimbangkan kemudahan kebenaran kemasukan awal (dengan tertakluk kepada bayaran deposit 50%) bagi melaksanakan kerja-kerja pemasangan khusus

bagi projek berkaitan Kerajaan di bawah seliaan BKI-GIS. Sehingga 30 Jun 2025 sebanyak 19 menara di dalam proses kelulusan pembinaan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi menyokong keperluan rangkaian jalur lebar internet di Negeri Kelantan.

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha kerajaan Kelantan dalam menangani **isu bangunan terbiar**, dan apakah cabaran dan kejayaan yang telah dicapai?

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Berikut merupakan antara usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani isu bangunan terbiar:

**1. Pengenaan Cukai Taksiran Tambahan / Cukai Taksi Terbiar**

- Bangunan yang terbukti tidak digunakan untuk jangka masa panjang dikenakan cukai taksiran khas / penalti untuk menggalakkan pemilik mengambil tindakan.
- Ini juga berfungsi sebagai tekanan kepada pemilik agar membaik pulih, menjual atau memajukan hartanah tersebut.

**2. Penglibatan Pelabur dan Pembangunan Semula Bandar**

- Beberapa bangunan lama atau terbiar perlu dilaksanakan projek "Pembangunan semula Bandar" melalui kerjasama pelabur swasta

**3. Perundangan dan Penguatkuasaan**

- Tindakan boleh diambil di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 untuk mengarahkan pembersihan atau meroboh bangunan berisiko.
- Notis pembersihan dikeluarkan kepada pemilik yang gagal menyelenggara bangunan.
- Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan sentiasa melaksanakan penguatkuasaan bagi memastikan bangunan-bangunan yang ditinggalkan hendaklah berada dalam keadaan yang ditutup dan menjamin keselamatan awam selaras dengan peruntukan Seksyen 84 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.
- Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengeluarkan notis kepada pemunya bangunan-bangunan yang ditinggalkan supaya pemunya bangunan menutup bangunan milik mereka dan memastikan keselamatan awam dijaga.
- Sebarang kacau ganggu yang terjadi di bangunan-bangunan yang ditinggalkan juga akan dihapuskan oleh pemunya bangunan dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Tindakan pendakwaan juga boleh diambil terhadap pemunya bangunan jika tidak mematuhi kehendak-kehendak notis yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

**4. Garis Panduan Pembangunan Semula**

- PBT menyediakan garis panduan pembangunan semula bangunan terbiar terutama di zon strategik seperti kawasan pelancongan, zon ekonomi, dan kawasan warisan.

Manakala cabaran yang dihadapi adalah:

1. Pihak Berkuasa Tempatan adalah dalam memastikan bangunan-bangunan yang ditinggalkan ini tidak diceroboh dan menjadi sarang jenayah seperti gejala maksiat dan dadah.
2. Bangunan-bangunan yang ditinggalkan ini juga berisiko menjadi tempat tinggal bagi gelandangan.
3. Pihak Berkuasa Tempatan juga kadang kala menghadapi kesukaran dalam mengesan pemilik bangunan-bangunan yang ditinggalkan.

Antara kejayaan yang telah dicapai adalah sebagaimana berikut :

1. Penggunaan Semula Bangunan terbiar  
Contoh: Bangunan lama yang terbiar dijadikan galeri, seperti galeri di Gunung Reng
2. Kesedaran Pemilik Meningkatkan  
Selepas tindakan cukai taksiran khas, terdapat peningkatan permohonan ubah suai atau pelan pembangunan semula.
3. Menutup dan memastikan keselamatan bangunan Parkson dan bangunan MAIK yang lama.

3. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengurangkan **masalah banjir kilat** di Bandar Kota Baru yang berlaku setiap kali hujan lebat?

**JAWAPAN : (YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM)**



4. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, bilakah **sepatutnya Pembinaan Lebuh Raya Central Spine Road (CSR)** akan siap dan apakah masalah jika pembinaan ini tidak dapat disiapkan seperti rancangan asal?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

Pembinaan Lebuh Raya Central Spine Road (CSR) dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2028.

Sekiranya pembinaan ini tidak dapat disiapkan seperti rancangan asal, antara masalah berkemungkinan berlaku ialah:

1. penyuraian trafik di kawasan tersebut tidak dapat dicapai,
2. kesesakan lalu lintas di pekan-pekan utama seperti Kok Lanas, Kuala Krai dan Gua Musang akan berterusan
3. persediaan penganjuran SUKMA di Negeri Kelantan akan terjejas
4. pertubuhan ekonomi di kawasan-kawasan strategik Negeri Kelantan akan terbantut.

5. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah Kerajaan akan menggunakan **kemudahan Kecerdasan Buatan (AI)** dalam urusan pentadbiran Kerajaan dan jika ada sejauhmana pencapaian penggunaan teknologi baru dalam pentadbiran negeri?

**JAWAPAN : (YB DATO'WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Kecerdasan Buatan (AI) merupakan salah satu teknologi utama dalam Revolusi Industri 4.0, yang berperanan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan analisis data. Kerajaan Negeri Kelantan mengambil langkah proaktif untuk mengadaptasi AI dalam pentadbiran negeri melalui pelbagai inisiatif.

Sebagai langkah awal ke arah pengadaptasian teknologi AI, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) telah mengadakan beberapa siri bengkel seperti Kursus Penggunaan Artificial Intelligence (AI) Dalam Pekerjaan Kepada Penjawat Awam Negeri Kelantan pada tahun 2024 dan Kursus Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Tugas Harian Penjawat Awam Negeri Kelantan pada tahun 2025.

Selain itu, Kerajaan negeri melalui BPTM juga sedang membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan yang memfokuskan penerapan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam pentadbiran kerajaan. Antara cadangan yang difokuskan adalah:

(1) Pembangunan Kelantan Smart AI Assistance (AI Chatbot) - Tujuan pembangunan AI Chatbot adalah untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan negeri khususnya dalam aspek sokongan khidmat pelanggan.

(2) Pembangunan Kelantan Integrated Smart Data Hub - Pembangunan hub data ini adalah bertujuan untuk mewujudkan pangkalan data utama kerajaan negeri yang bakal mengumpulkan data/maklumat berkaitan perkhidmatan negeri untuk analisis dan sokongan keputusan.

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan menerusi Program Pembangunan Sains dan Teknologi Negeri Kelantan 2025 juga dalam perancangan untuk menganjurkan Minggu Kecerdasan Buatan (AI) yang dijadualkan pada bulan Ogos 2025. Objektif penganjuran program tersebut adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman berkaitan teknologi AI kepada penjawat awam, pelajar dan komuniti setempat mengenai konsep, potensi dan cabaran dalam perkembangan teknologi tersebut. Antara program yang dicadangkan adalah :

- (1) Program AI Untuk Pendidikan
- (2) Program AI Untuk Rakyat
- (3) Simposium AI Talks

- (4) Bengkel Pembangunan Chatbot AI
- (5) ChatGPT For Business
- (6) Automasi Perniagaan Menggunakan AI
- (7) Pemasaran Digital Berasaskan AI.

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :

YB TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH - MANEK URAI

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan dan tindakan susulan kerajaan negeri terhadap tanah-tanah yang telah diambil untuk tujuan **pembangunan di Bandar Baru Tunjong** tetapi sehingga kini masih belum dibangunkan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan tanah tersebut dimajukan agar tidak terbiar serta dapat memberi manfaat ekonomi kepada rakyat dan negeri?

JAWAPAN : (YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD)

Untuk makluman, kawasan Bandar Baru Tunjong terbahagi kepada dua kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam dan Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam. Bagi memastikan tanah-tanah ini tidak terbiar dan dapat dimanfaatkan, beberapa perancangan dan tindakan susulan sedang dan akan dilaksanakan, antaranya ialah kawasan Bandar Baru Tunjong telah dirangka dan dimasukkan dalam dokumen Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bandar Baru Tunjong 2035.

Antara perancangan pembangunan akan datang di kawasan Bandar Baru Tunjong adalah seperti berikut:

1. Pembinaan stesen ECRL Kota Bharu
2. Pembangunan KB Sentral
3. Pembinaan Wisma Persekutuan Kota Bharu
4. Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan

Pembangunan dalam kawasan Bandar Baru Tunjong melibatkan proses pengambilan tanah, proses ini mengambil masa jika dibandingkan dengan pembangunan di atas tanah-tanah yang telah siap dimiliki Kerajaan. Selepas pengambilan tanah selesai, pihak pemaju pula perlu melalui proses kelulusan pembangunan dengan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan.

Perbadanan Bandar Baru Tunjong (PBBT) memandang serius mengenai perkara ini dan akan memastikan pembangunan dapat disiapkan mengikut perancangan dan persetujuan kedua-dua

belah pihak di antara PBBT dan pemaju sebagaimana perjanjian yang dimeterai bersama iaitu Perjanjian Pengambilan dan Pembangunan Tanah.

Pemaju berkenaan setelah mendapat hakmilik tanah mestilah memulakan pemajuan atau pembangunan mereka dalam tempoh masa tertentu dari tarikh pemaju menerima hakmilik. Syarat ini termaktub di dalam perjanjian di antara pemaju / Perbadanan Bandar Baru Tunjong (PBBT) dan ianya juga dimasukkan di dalam syarat nyata geran tanah berkenaan. Pihak PTG akan membuat tindakan sekiranya berlaku sebarang pelanggaran syarat-syarat berkenaan.

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**

~~~~~

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :**

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI - NENGGIRI**

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, **sekolah-sekolah dibawah kelolaan YIK** yang dikategorikan kurang murid dan apakah usaha yang dilakukan untuk mengatasinya.

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Terdapat dua (2) kategori sekolah dibawah yang kurang murid iaitu:

- (a) 13 buah sekolah YIK yang mempunyai kurang daripada 100 orang murid
- (b) 9 buah sekolah YIK yang mempunyai jumlah murid 101-150 orang murid.

Antara usaha-usaha yang dilakukan untuk mengatasi masalah ini ialah :

- (1) Penubuhan jawatankuasa mengatasi masalah kekurangan murid sekolah Yayasan Islam Kelantan.
- (2) Menyediakan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan kemasukan murid Sekolah Yayasan Islam Kelantan.
- (3) Menjalankan kajian dan bancian berkaitan punca kemerosotan kemasukan murid sekolah Yayasan Islam Kelantan.
- (4) Mempromosikan sekolah Yayasan Islam Kelantan kepada masyarakat dan komuniti secara lebih sistematik dan berkesan.
- (5) Kempen kemasukan sekolah melalui promosi digital dan fizikal dengan melaksanakan tindakan yang proaktif iaitu menggunakan platform melalui media sosial, media massa, media cetak dan media elektronik.
- (6) Hebahan kemasukan murid Yayasan Islam Kelantan melalui masjid-masjid seluruh negeri Kelantan, agensi kerajaan negeri, agensi swasta dan badan bukan kerajaan (NGO)

3. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, **jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dalam pembinaan Projek Madinah As-Salam di Tunjong** sejak tahun 2022.

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN BERTULIS**  
~~~~~

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM – GALAS

1. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah pelan strategik jangka pendek dan panjang Kerajaan Negeri untuk menjadikan Kelantan sebagai destinasi pelancongan utama? dan berapa peruntukan sebenar yang telah disalurkan **bagi menaik taraf infrastruktur** pelancongan luar bandar seperti di Gua Musang, Jeli, dan Dabong.

JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)

PELAN STRATEGIK JANGKA PENDEK (1 – 3 Tahun)

1. Promosi & Pemasaran Pelancongan Secara Agresif

- Melancarkan kempen "**Indahnya Kelantan**" dengan slogan dan penjenamaan tersendiri.
- Kerjasama dengan Tourism Malaysia dan agensi pelancongan digital untuk promosi global dan domestik.
- Menggunakan medium media sosial, influencer tempatan, dan video kreatif untuk menarik minat pelancong ke Negeri Kelantan.

2. Menaiktaraf Infrastruktur Pelancongan di Kelantan

- Penambahbaikan kemudahan asas seperti:
 - Tandas awam, surau, dan tempat letak kereta.
 - Naik taraf kawasan tumpuan pelancong seperti Pantai Cahaya Bulan, Wakaf Che Yeh, dan Kampung Kraftangan.
 - Naik taraf papan tanda pelancongan di sekitar negeri Kelantan

3. Mempergiat Pelancongan Budaya dan Warisan

- Memperkenalkan semula persembahan kebudayaan seperti wayang kulit, dikir barat dan makyong di tempat pelancongan secara berkala.
- Mempromosikan makanan tradisional dan seni budaya di Kelantan sebagai tarikan pelancong (nasi kerabu, laksam, akok, wayang kulit, wau, batik).

PELAN STRATEGIK JANGKA PANJANG (4 – 10 Tahun)

1. Membangunkan Zon Pelancongan Bersepadu

- Menubuhkan zon pelancongan khusus (contoh: zon pelancongan budaya, zon ekopelancongan) yang lengkap dengan infrastruktur dan aktiviti.

2. Transformasi Digital Pelancongan

- Pembangunan **Aplikasi Pelancongan Kelantan**:
 - Senarai tempat menarik, makanan, sejarah, peta interaktif, tempahan homestay.
- Teknologi **QR Code di lokasi pelancongan** untuk info automatik dalam pelbagai bahasa.

3. Pengangkutan & Akses Lebih Baik

- Meningkatkan akses ke Kelantan melalui pembinaan atau naik taraf lapangan terbang, perkhidmatan kereta api dan jalan raya.
- Menyediakan perkhidmatan pengangkutan pelancong yang cekap dan mesra pengguna.

Seterusnya, Kerajaan Negeri juga telah menerima beberapa peruntukan bagi menaiktaraf infrastruktur pelancongan luar bandar seperti di Gua Musang, Jeli dan Dabong. Perincian peruntukan adalah sebagaimana berikut:

JAJAHAN	KOMPONEN STRATEGI	JUMLAH PERUNTUKAN
GUA MUSANG	Menaiktaraf Jalan Masuk Dan Tempat Letak Kereta / Bas Di Masjid Buluh Dan Muse Ecopark, Gua Musang	RM 315,000.00
	Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan Di Muse Ecopark, Gua Musang	RM 69,000.00
	Menaiktaraf Kemudahan Tempat Pelancongan Muse Ecopark Gua Musang	RM 249,000.00
JELI	Menaiktaraf infrasturuktur seperti jalan dan longkang. Kemudahan pelancongan adalah seperti laluan pejalan kaki, tapak perkhemahan, alat permainan kanak-kanak dan pencahayaan. Kawasan yang terlibat adalah di Lata Renyuk, Lata Janggut, Lata Kashmir, Kolam Air Panas, Gunung Reng dan Lata Keding.	RM 3,710,000.00
DABONG	Pelaksanaan pelbagai projek pembangunan dan penaiktarafan infrastruktur pelancongan	RM4,119,198.60

	dibawah di bawah Majli Daerah Dabong, bagi tahun 2020-2024 hasil kerjasama antara agensi pusat, negeri dan tempatan.	
--	--	--

2. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah pelan pemulihan Kerajaan Negeri dalam menyelamatkan maruah bola sepak KElantan yang kini terpalit dengan hutang lapuk dan kemerosotan prestasi.

JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)

3. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, dengan peruntukan RM7.6 juta untuk **program kerohanian** seperti MGS dan MGQ, bagaimana kerajaan negeri mengukur impaknya terhadap penurunan kadar jenayah di Kelantan.

JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)

Peruntukan yang diberikan oleh pihak kerajaan negeri untuk melaksanakan program-program kerohanian bukanlah semata-mata bertujuan untuk menurunkan kadar jenayah, tetapi lebih utama lagi, ia merupakan sebahagian daripada usaha berterusan

kerajaan negeri untuk memperkukuh pendidikan dan pembangunan kerohanian rakyat, khususnya dalam mempertingkatkan kefahaman, penghayatan dan pengamalan terhadap ajaran Islam yang sebenar.

Kerajaan negeri berpandangan bahawa pembangunan spiritual adalah asas kepada kesejahteraan masyarakat. Justeru, pelbagai program berbentuk kerohanian dirangka di bawah inisiatif ini, termasuklah program Membina Generasi Solat, Membina Generasi Al-Quran, Membina Remaja Iman, Bicara Ad-Din, Tazkirah Agensi, Street Dakwah, Usrah Solehah, Program Pemantapan Akidah, Penerangan Undang-Undang Syariah, serta pengisian rohani melalui ceramah dan bimbingan berkala di masjid dan surau seluruh negeri.

Adalah kurang tepat dan tidak adil jika peruntukan ini hanya dinilai dari sudut kesannya terhadap statistik penurunan jenayah semata-mata. Ini kerana gejala jenayah berpunca daripada pelbagai faktor yang kompleks. Antaranya pengaruh media sosial yang tidak terkawal, penyalahgunaan dadah, masalah keluarga, tekanan ekonomi dan pengaruh rakan sebaya.

Maka, pendekatan kerajaan negeri adalah bersifat holistik dan pencegahan jangka panjang, bukan hanya bertindak selepas jenayah berlaku. Kita percaya bahawa apabila nilai agama dan akhlak ditanam sejak awal, masyarakat akan lebih celik moral, berdaya tahan menghadapi cabaran sosial, serta mampu menjauhi tingkah laku yang menyimpang.

Sesungguhnya, program kerohanian ini adalah satu pelaburan jangka panjang terhadap pembentukan insan dan tamadun. Kesannya mungkin tidak segera dilihat dalam angka statistik, tetapi ia akan menjana iklim sosial yang lebih sihat, harmonis dan berintegriti. Maka, peruntukan ini adalah sebahagian daripada pendekatan dasar penghayatan Membangun Bersama Islam yang menekankan pembinaan roh dan nilai, bukan sekadar pembangunan fizikal semata-mata.

4. Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, melalui statistik polis menunjukkan **jenayah seksual dan dadah masih tinggi**, adakah kerajaan negeri mengkaji semula keberkesanan program sedia ada atau hanya meneruskan tanpa penilaian.

KPP (PS)

JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)

Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Kali Ke 10/2025 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Pelaksana Menangani Gejala Sosial Dan Maksiat Negeri Kelantan yang diurusetiaikan oleh SPARK dan ILDAN. Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan untuk memperkukuhkan keberkesanan pelaksanaan dasar dan intervensi menangani gejala sosial secara bersepadu di negeri Kelantan.

Satu bengkel melalui jawatankuasa berkenaan telah diadakan pada 2-3 Julai 2025 mengumpulkan semua agensi-agensi yang terlibat dengan menangani gejala sosial seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, PDRM, JAHEIK, Jabatan Kesihatan Negeri, PEMADAM, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, UBES, UKEKWA, UPKN, dan lain-lain agensi. Melalui bengkel ini akan dipetakan

tindakan-tindakan yang bersepadu bagi menangani gejala sosial termasuklah berkaitan jenayah seksual dan dadah di Negeri Kelantan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menganjurkan Program Advokasi perlindungan Kanak-kanak: KASIH Kanak-kanak pada setiap tahun di sekolah-sekolah terpilih. Usaha-usaha pencegahan juga terus dilaksanakan seperti Perneriksaan peranan komuniti seperti Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK), Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) dan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) serta mengaktifkan peranan Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK) sebagai agen penyampai maklumat yang lebih berkesan.

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) juga sentiasa melakukan penilaian dan penambahbaikan terhadap semua pendekatan dan pelaksanaan program, meliputi Pendidikan Pencegahan, Rawatan dan Pemulihan dan aktiviti Penguatkuasaan dan Keselamatan dengan mewujudkan model terbaru untuk aktiviti pencegahan yang dikenali sebagai i-Cegah, i-Pulih untuk model Rawatan Dan Pemulihan dan Model i-Prihatin Untuk pendekatan Penguatkuasaan dan Keselamatan.

Melalui Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan melaksanakan program yang berkaitan dengan penerangan undang-undang syariah dan khidmat nasihat berdasarkan kesalahan jenayah syariah sahaja. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan melaksanakan program pemulihan dadah (Program Al-Muttaqin) Melibatkan 1100 Orang Kena Pengawasan (OKP) bagi setiap tahun dengan kerjasama AADK iaitu pada 2018 sehingga 2022